

(1)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

AMALAN YANG DITERIMA SELEPAS MATI TALQIN – TAHLIL

Hadith Nabi Muhammad s.a.w yang berbunyi:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Ertinya: Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang diamal dengannya atau anak yang soleh yang berdoa baginya.

Maksudnya

Tiap-tiap manusia semasa hidupnya memang diwajibkan bekerja untuk mendapat rezeki yang halal bagi dirinya dan keluarganya serta disuruh juga untuk bersedekah jariah dan memberi zakat kepada fakir miskin. Dan juga disuruh pula kita supaya mempelajari ilmu pengetahuan agama islam yang berhubung dengan dunia dan akhirat serta beramal dengan ilmu-ilmu itu dan kemudian diajar pula kepada orang lain, seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, berzikir, membaca Quran dan sebagainya. Dari Tauhid, Fiqah dan juga Tassauf.

Selain daripada itu, disuruh pula kita bertalkin, berdoa, berzikir, membaca Quran dan bertahlil apabila ibu bapa kita sudah meninggal dunia.

Di dalam akhir Hadith di atas terdapat disuruh kepada anak yang soleh supaya berdoa bagi ibu bapanya yang telah

meninggal dunia. Suruhan ini tidaklah ditentukan bagi ibu bapa kita sahaja, bahkan boleh kita memberi hadiah talqin, tahlil, zikir, doa dan membaca Quran ini kepada sesiapa sahaja yang kita kehendaki.

Talqin dan Tahlil

Berkenaan dengan talqin, tahlil, zikir dan lain-lain juga terdapat orang berkata bidaah dholalah, tidak boleh dilaksanakan tetapi yang sebenarnya talqin, tahlil, zikir, membaca quran seperti membaca yassin, surah al ikhlas dan sebagainya seperti mana yang kita selalu melaksanakannya di zaman sekarang ini tidaklah dilaksanakan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Hanya apabila ulama-ulama telah membaca Al-Quran, kitab-kitab hadith dengan banyaknya yang menyebut berkenaan dengan kelebihan-kelebihan dan faedah-faedah ayat-ayat Al-Quran yang terdapat di dalam hadith Nabi Muhammad s.a.w. Maka ulama-ulama ini telah mengkaji, meneliti dan mengunsurbeberapa cara baru yang diberi nama talqin, tahlil, zikir dan doa untuk dibaca kepada si mati. Supaya orang awam mudah membacanya. Dan segala apa sahaja yang dibaca sama ada talqin, tahlil, zikir, doa, ayat quran dan sebagainya adalah sangat berfaedah kepada manusia yang meninggal dunia dan juga kepada pembacanya. Perkara ini tidaklah lagi dinamakan bidaah dholalah bahkan dinamakan bidaah hasanah – bidaah yang baik. Sebab itulah ulama di zaman sekarang telah menyuruh orang-orang awam supaya membacanya semoga mendapat rahmat kepada si mati. Hanya terdapat seorang dua ulama sahaja yang baru belajar yang menentang perbuatan ini kerana

(3)

mereka tidak faham dengan sepenuhnya daripada quran dan hadith Nabi Muhammad s.a.w yang begitu banyak.

Oleh itu, bacalah talqin, tahlil, zikir, doa dan ayat-ayat al-quran seberapa banyak yang boleh dan hadiahlah pahalanya kepada ibu bapa kita yang telah mati atau kepada sesiapa sahaja yang kita kehendaki kerana pahalanya sangat besar sama ada kepada kita yang membacanya atau juga kepada si mati yang menerimanya.

Sebenarnya orang yang di dalam kubur sangat-sangat berhajat kepada pahala-pahala itu daripada orang yang masih hidup. Mereka sentiasa menunggu. Kasihanilah mereka dan janganlah kita lupakan mereka. Bacalah selalu dan hadiahlah kepada mereka. Bacalah seperti al ikhlas ^{قل هو الله} sebanyak 11 kali, 50 kali, 100 kali, 200 kali atau lebih.

Baca yassin ataupun lain-lain surah dan hadiahlah kepada mereka – Mudah-mudahan Allah kurniakan kepada mereka rahmat.

Sekianlah sahaja

WALLAHUALAM